

**MH370: PM New Zealand Tawar Pesawat Pengesan Maritim P-3C Orion
Bernama
10 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan telah menerima tawaran daripada Perdana Menteri New Zealand John Key, yang menghantar pesawat pengesan maritim P-3C Orion bagi menyertai operasi mencari dan menyelamatkan pesawat MH370 yang hilang.

"Saya telah terima faks daripada Perdana Menteri New Zealand dan mereka tawarkan sebuah P-3C Orion iaitu kapal terbang yang ada pengkhususan untuk membuat pengesanan maritim," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Ekonomi Bumiputera di Bangunan Parlimen di sini Isnin.

Najib berkata kerajaan berharap pesawat itu dapat membantu dalam operasi yang sedang giat dijalankan bagi mengesan pesawat Malaysia Airlines (MAS) yang hilang awal pagi Sabtu lepas

Penerbangan MH370 itu terputus hubungan dengan Pusat Kawalan Trafik Udara, Subang pada 2.40 pagi, kira-kira dua jam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Sepang pada 12.41 pagi Sabtu.

Pesawat B777-200 yang membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal itu dijangka mendarat di Beijing, China pada 6.30 pagi hari yang sama.

Ia membawa penumpang terdiri warganegara 14 negara dengan lebih separuh merupakan warga China dan 38 rakyat Malaysia.

Pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata dengan begitu banyak negara membantu Malaysia, pihak kuasa mempunyai kapasiti untuk meningkatkan operasi.

Setakat ini, pasukan mencari pelbagai negara mempunyai 24 pesawat dan 40 kapal dari Malaysia, China, Vietnam, Australia, Thailand, Filipina, Indonesia, Singapura dan Amerika Syarikat.

Ditanya mengenai imej dua penumpang menaiki pesawat hilang itu menggunakan pasport palsu, Hishammuddin berkata imej berkenaan diserahkan kepada agensi risikan untuk siasatan dan laporan siasatan akan dikeluarkan kepada media dalam waktu terdekat.

Dalam pada itu, beliau menafikan bahawa China telah mengambil alih operasi mencari dan menyelamatkan MH370 dan menurutnya pasukan khas negara itu yang tiba di sini malam tadi adalah untuk membantu mengesan lokasi pesawat itu.

"Kami bekerjasama rapat dalam tiga aspek iaitu mencari dan menyelamatkan, mengenal pasti siapa yang menaiki pesawat itu menggunakan pasport palsu dan menguruskan keluarga penumpang.

"Dengan China kita berhubung sejak awal lagi tapi sekarang ini ada satu pasukan khas yang ditempatkan di sini untuk membantu kita dalam tiga aspek itu," kata Hishammuddin.

Beliau menggesa pengamal media dan orang awam untuk tidak menyebarkan maklumat palsu dan tidak disahkan mengenai MH370, kerana ia akan menjejaskan operasi mencari dan menyelamatkan dijalankan pihak berkuasa.

"Ini juga untuk bersikap adil kepada keluarga penumpang, saya tidak mahu mereka menerima berita yang tidak bertanggungjawab, tidak disahkan dan maklumat palsu," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (DCA) Datuk Azharuddin Abdul Rahman mengesahkan objek seakan-akan bot penyelamat dikesan kira-kira 140 kilometer barat daya Pulau Tho Chu di Vietnam.

"Kami telah menghantar kapal untuk mengenal pasti objek itu," katanya dalam sidang akhbar di sini.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020787>